

PM mahu CUEPACS kaji semula tuntutan

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta CUEPACS supaya mengkaji semula tuntutan pelarasan gaji dan elaun rumah kerana ia melibatkan peningkatan kos kewangan hampir 100 peratus.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menimbangkan kesemua lapan tuntutan yang dikemukakan oleh CUEPACS dan membuat beberapa pengubahsuaian sekiranya ia tidak menyebabkan beban kewangan yang terlalu tinggi.

Presiden CUEPACS, Mohamad Mat Jid ketika bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Dr. Mahathir memaklumkan bahawa dana kerajaan adalah terhad dan tidak dapat menampung tuntutan membabitkan kos yang terlalu tinggi.

Utusan difahamkan, sekiranya kesemua lapan tuntutan dilaksanakan, ia akan membabitkan tambahan perbelanjaan emolumen sehingga kira-kira RM12 bilion lagi.

Berdasarkan Laporan Ekonomi 1994/1995, kerajaan memperuntukkan RM12.4 bilion untuk perbelanjaan bagi emolumen yang membabitkan gaji kakitangan awam.

Kata Mohamad, Dr. Mahathir juga telah menyatakan persetujuan untuk mengadakan perbincangan susulan mengenai perkara tersebut selepas berunding dengan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

“Perdana Menteri memaklumkan bahawa pihak kerajaan tidak menolak cadangan-cadangan tuntutan yang dikemukakan oleh CUEPACS. Sebaliknya beliau meminta kami mengkaji semula tuntutan-tuntutan itu.

■ Lihat muka 2

PM mahu CUEPACS kaji semula tuntutan

“Selepas meneliti semula kandungan tuntutan kerana faktor kos, kerajaan akan mengadakan pertemuan dengan CUEPACS sekali lagi,” kata beliau.

Mohamad yang mengetuai rombongan sebanyak 14 pegawai kanan CUEPACS mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir selama dua jam di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang ini.

Pertemuan tersebut yang diadakan untuk bertukar-tukar pandangan antara kerajaan dan kesatuan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Mereka termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mahmud Taib dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Datuk Herbert Clifford.

Dalam pertemuan tersebut, Mahmud membentangkan laporan mengenai implikasi tuntutan-tuntutan berkenaan bagi pihak kerajaan manakala Mohamad bagi kepentingan kakitangan awam.

Pertemuan tersebut yang pertama antara Perdana Menteri dengan wakil-wakil CUEPACS dalam tempoh empat tahun yang lalu khususnya bagi membincangkan isu gaji, membincangkan lapan perkara yang dikemukakan dalam memorandum tuntutan pelarasan gaji.

Memorandum tersebut dikemukakan kepada Dr. Mahathir pada 19 September lalu antara lain menuntut supaya kerajaan menambah amaun kadar kenaikan tahunan daripada RM11 kepada RM30 terutamanya bagi kakitangan kumpulan sokongan yang merupakan sebahagian besar komponen dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, memorandum tersebut juga merangkumi tuntutan supaya gaji minimum kakitangan kumpulan rendah dinaikkan daripada RM324 kepada RM474 manakala gaji maksimum daripada RM498 menjadi RM774 sebulan.